



Latihan Pengukuhan

A. Pilih jawaban yang paling sesuai.

- Bellau _____ penyakit misteri sejak setahun yang lalu.
A mengidap B menghidap
- Emak meminta adik _____ mulut lalu disuapkan nasi untuk dimakannya.
A menganga B mengganga
- Semasa mengandung, kebanyakan wanita akan _____ pelbagai jenis makanan.
A menggidam B mengidam
- Perbuatan _____ orang lain wajib dielakkan kerana buruk akibatnya.
A menfitnah B memfitnah
- Kegiatan _____ hasil usaha orang lain harus kita hindari.
A memplagiat B menplagiat
- Beberapa orang pekerja sedang _____ ubi kayu untuk dibuat kerepek.
A memeroses B memproses
- Ayah _____ kereta dengan segera apabila seekor lembu melintas jalan.
A mengebrek B membrek
- Kambing peliharaan saya _____ apabila disimbah air ke atas badannya.
A menggembek B mengembek
- Sindirannya itu begitu tajam sehingga benar-benar _____ perasaan saya.
A menguris B mengguris
- Pembahas terakhir diminta _____ perbahasan yang disampaikan.
A mengulung B menggulung

4.1.2 Awalan peN-

Awalan peN- dapat berubah-ubah berdasarkan huruf awal sesuatu kata dasar sama seperti awalan meN-. Proses pengimbuhan nya sama sahaja dengan imbuhan awalan meN- seperti yang berikut:

Kata dasar	Awalan meN-	Awalan peN-
bantu	membantu	pembantu
cuci	mencuci	pencuci
tadbir	mentadbir	pentadbir
kritik	mengkritik	pengkritik
bom	mengebom	pengebom
sapu	menyapu	penyapu